

07 FEB 1998

Mahathir-Pulang

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN KE TIGA NEGARA ASEAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini selepas lawatan ke tiga negara Asean untuk mendapatkan sokongan bagi cadangan perkumpulan serantau itu untuk berdagang menggunakan mata wang masing-masing.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Lawatan Dr Mahathir ke Thailand, Filipina dan Singapura yang bermula Khamis lepas boleh dikatakan berjaya dengan Bangkok dan Manila bersetuju melaksanakan cadangan itu yang diutarakan di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, Disember lepas.

Di Thailand, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Chuan Leepkai sementara di Filipina beliau membincangkan cadangan itu bersama Presiden Fidel Ramos dan di Singapura bersama Perdana Menterinya Goh Chok Tong.

Perbincangan beliau dengan mereka bertumpu kepada perlunya negara-negara Asean meningkatkan perdagangan di kalangan mereka dan penggunaan mata wang serantau untuk mengurangkan penggantungan Asean kepada dolar Amerika dalam perdagangan antara mereka.

Perdana Menteri berkata, buat permulaan Malaysia, Filipina dan Thailand akan menjalankan perdagangan menggunakan mata wang masing-masing.

"Tetapi kita perlu berbincang dengan negara-negara Asean yang lain untuk lihat apa pendapat mereka," Dr Mahathir dipetik berkata demikian di Manila semalam.

Minggu lepas, Dr Mahathir bertemu dengan Presiden Suharto di Jakarta dan Goh di Johor untuk membincangkan cadangan itu.

Perdana Menteri memberitahu pemberita di Bangkok yang negara-negara Asean boleh menjimatkan dolar Amerika dengan menggunakan mata wang sendiri dalam perdagangan di kalangan mereka dan dolar Amerika yang dijamin itu boleh digunakan bagi mengurusniaga dengan Eropah dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, jika cadangan itu dilaksanakan dalam skala yang lebih besar di rantau ini, sebuah rumah penjelasan perlu diwujudkan untuk menguruskan urusanniaga dalam pelbagai mata wang Asean itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun perdagangan itu hanya membabitkan sektor swasta, kerajaan negara-negara anggota Asean akan bekerjasama dalam melaksanakan mekanisme baru bagi kadar pertukaran asing.

Beberapa mata wang negara anggota Asean nilainya telah turun dengan ketara berbanding dolar Amerika sejak Thailand menyusutkan nilai baht Julai lepas yang seterusnya mencetuskan krisis mata wang serantau.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. -- BERNAMA

ES PR